



SULIT\*

2

## Bahagian A

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

- 1 Sektor tani merupakan sektor yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Sebahagian besar tenaga kerja di luar bandar terlibat dalam sektor ini. Keupayaan kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sektor ini dilihat dapat membantu menambah pendapatan penduduk luar bandar. Huraikan langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk menjadikan sektor pertanian lebih kompetitif dan dapat menarik lebih ramai belia menceburkan diri.
- 2 Kehadiran pelbagai bentuk media elektronik bukan merupakan faktor utama semakin kurangnya minat membaca dalam kalangan masyarakat negara ini. Bincangkan pernyataan di atas.

## Bahagian B

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

- 3 Pembangunan yang tidak terancang telah mengakibatkan pelbagai bencana terhadap alam sekitar. Ulaskan.
- 4 Prestasi seseorang atlet dapat dipertingkatkan ke tahap maksimum sekiranya kaedah dan teknik yang betul dapat diaplikasi dalam setiap sesi latihan. Jelaskan bagaimana sains dan teknologi moden dapat meningkatkan mutu sukan negara.

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah  
SULIT\*]

**SULIT\***

3

**Bahagian C**

Jawab dua soalan dalam bahagian ini. Pilih satu daripada soalan 5(a) atau (b) dan satu lagi daripada soalan 6(a) atau (b) [20]

- 5(a) "Pendidikan yang berkualiti boleh diukur melalui pengiktirafan yang diberi oleh badan professional dan antarabangsa terhadap program yang ditawarkan oleh pihak universiti. Seperti contoh, Universiti Malaya telah dinobatkan di antara 100 buah universiti terbaik di dunia.."

*(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Kecemerlangan Universiti Penentu Graduan Berkualiti", Dewan Ekonomi, September 2005)*

- (i) Bagaimanakah kualiti pendidikan sesebuah universiti ditentukan?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, nyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah universiti.

**ATAU**

- 5(b) "Pelbagai hak kanak-kanak telah dikenalpasti dan diperakui melalui konvensyen Hari Kanak-Kanak termasuk tiada diskriminasi dalam apa-apa bentuk sama ada gender ataupun sebagainya, pendapat kanak-kanak, kebebasan bersuara, kebebasan berfikir dan sebagainya..."

*(Dipetik dan diubahsuai daripada "Hak Kanak-Kanak dan Remaja", Dewan Siswa, April 2006)*

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Hak Kanak-Kanak?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, nyatakan kesan-kesan sekiranya kanak-kanak dinafikan haknya.

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat sebelah  
SULIT\***

**SULIT\***

4

- 6(a) "Bidang sains nuklear merupakan kombinasi pengetahuan fizik, kimia dan biologi serta menjadi satu cabang sains yang mengeksplorasikan penggunaan punca sinaran semulajadi dan buatan dengan dikenali sebagai teknologi nuklear. Daripada gabungan ini, kita mampu mengaplikasikan nuklear dalam pelbagai bidang..."

*(Dipetik dan diubahsuai daripada "Saintis Nuklear Bukan Pencipta Bom", Dewan Kosmik, Jun 2005)*

- (i) Apakah yang anda faham tentang kajian bidang sains nuklear?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, jelaskan sumbangan tenaga nuklear dalam kehidupan manusia.

**ATAU**

- 6(b) "... "virus influenza begitu versatile. Virus ini cepat berubah dan mengakibatkan penyakit selsema burung. Apabila perubahan ini berlaku dengan kadar yang cepat, maka mampu merentasi spesies selain daripada asalnya. Tubuh manusia yang tidak biasa dengan virus ini menyukarkan sistem pertahanan tubuh mengenalinya sebagai bahan asing, dan akhirnya menyebabkan mereka yang dijangkiti mengidap penyakit....."

*(Dipetik dan diubahsuai daripada Mingguan Malaysia, 5 Ogos 2004)*

- (i) Apakah yang anda faham mengenai virus influenza?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, bincangkan kaedah yang sesuai bagi mengelakkan virus influenza ini daripada merebak.

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat sebelah  
SULIT\***

**SULIT\***

5

**Bahagian D**

*Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat dalam kertas graf.* [15]

7 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf bar yang sesuai untuk menunjukkan jumlah pekerja yang menerima pampasan dalam kemalangan mengikut setiap jenis sektor pekerjaan di Malaysia bagi tempoh yang dilaporkan.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1971 sebagai sebuah jabatan kerajaan untuk menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. PERKESO kemudiannya menjadi sebuah badan berkanun mulai 1 Julai 1985. Badan ini bertanggung jawab untuk membayar pampasan kepada seseorang pekerja yang mengalami kecederaan ketika bekerja,

Pada tahun 2000, sejumlah 92 302 orang pekerja telah menerima pampasan kerana terlibat dalam kemalangan. Angka ini telah menurun sebanyak 16 298 orang pada tahun berikutnya. Pada tahun 2003 bilangan ini telah meningkat kepada 77 377 orang iaitu 9 417 orang melebihi bilangan tahun sebelumnya. Pada tahun 2000, sejumlah 13 372 orang pekerja dari sektor pertanian dan perhutanan menerima pampasan kerana mendapat kecederaan semasa bekerja. Bilangan pekerja yang mendapat kecederaan dan menerima pampasan semakin bertambah menjadi 23 296 orang pada tahun 2001. Pada tahun 2003 pula, sejumlah 12 753 orang pekerja menerima pampasan kerana mendapat kemalangan semasa bekerja iaitu 75 orang lebih daripada tahun sebelumnya 2002.

Pekerja-pekerja dari sektor perkilangan merupakan golongan yang banyak menerima pampasan. Pada tahun 2000, sejumlah 55 549 orang menerima pampasan kerana mendapat kemalangan semasa bekerja. Jumlah ini menurun sebanyak 18 881 orang pada tahun berikutnya. Pada tahun 2003, sejumlah 40 730 orang dari sektor ini menerima pampasan kerana kecederaan yang dialami iaitu melebihi 3 469 orang berbanding tahun sebelumnya. Para pekerja dari sektor pembinaan juga turut menerima pampasan kerana mengalami kecederaan semasa bekerja. Pada tahun 2001, sejumlah 3 510 orang pekerja menerima pampasan kerana mendapat kemalangan iaitu berkurangan sebanyak 1 792 orang berbanding tahun 2000. Tetapi tahun berikutnya, bilangan yang menerima pampasan ini menurun dengan mendadak menjadi 979 orang. Pada tahun 2003 pula, bilangan pekerja yang menerima pampasan kerana mendapat kemalangan meningkat semula sehingga mencecah 4 747 orang.

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat sebelah  
SULIT\***

**SULIT\***

6

Sejumlah 13 027 orang pekerja dari sektor perdagangan menerima pampasan pada tahun 2000. Bilangan ini menurun sebanyak 3 792 orang pada tahun berikutnya. Pada tahun 2002 pula mencatatkan bilangan menerima pampasan telah meningkat kepada 12 986 orang. Bilangan yang mendapat pampasan terus meningkat kepada 14 685 orang pada tahun 2003. Dalam sektor pengangkutan pula, sejumlah 5 052 orang menerima pampasan pada tahun 2000. Pada tahun 2002, jumlah yang menerima pampasan meningkat kepada 4 056 orang iaitu lebih 761 orang berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pada tahun 2003 pula, jumlah pekerja yang menerima pampasan meningkat sebanyak 406 orang berbanding dengan tahun 2002. Jumlah keseluruhan bayaran pampasan yang diterima oleh semua pekerja daripada PERKESO pada tahun 2000 adalah bernilai RM4 62 juta. Jumlah bayaran pampasan ini terus merosot sebanyak RM1.2 juta pada tahun berikutnya disebabkan bilangan pekerja yang mendapat kemalangan semakin berkurang. Pada tahun 2003, jumlah bayaran pampasan terus meningkat kepada RM3.89 juta, iaitu bertambah sebanyak RM0.51 juta berbanding dengan bayaran pampasan tahun sebelumnya.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada  
*Laporan PERKESO, 2004*)

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat sebelah  
SULIT\***

**SULIT\***

7

8. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta pai yang sesuai untuk menunjukkan pemilikan Modal Saham Syarikat Berhad mengikut kumpulan hak milik rakyat Malaysia bagi tahun 2000 dan tahun 2005

Dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), usaha yang gigih akan dijalankan untuk meningkatkan penyertaan berkesan Bumiputera serta pemilikan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2010.

Pemilikan modal saham Bumiputera dalam sektor korporat sahaja meningkat daripada RM 20 877.5 juta pada tahun 2000 kepada RM 31 094.2 juta pada tahun 2005 menjadi 20.6% berbanding tahun 2000. Untuk meningkatkan pemilikan modal saham Bumiputera, perhatian khusus telah diberikan untuk meningkatkan pemilikan modal saham Bumiputera, perhatian khusus telah diberikan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Pelbagai langkah telah diambil untuk menggalakkan penyertaan usaha niaga Bumiputera dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan yang dinamik.

Pada tahun 2000, jumlah hak milik modal saham rakyat Malaysia lain seperti Cina, India dan lain-lain sebanyak RM 50 754.0 juta daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM 108 377.4 juta. Jumlah pemilikan modal saham kumpulan etnik Cina sebanyak RM 49 296.5 juta manakala pemilikan kumpulan etnik India sebanyak RM 1 068.0 juta atau 1.0% dan selebihnya adalah jumlah yang dimiliki oleh kumpulan etnik lain-lain.

Jumlah hak milik modal saham rakyat Malaysia lain-lain bertambah sebanyak 530.3% pada tahun 2005. Jumlah keseluruhan hak milik modal saham pada tahun 2005 sebanyak RM 151 175.3 juta berbanding dengan tahun 2000. Jumlah hak milik modal saham kumpulan etnik Cina dan India juga telah meningkat sebanyak RM 14 075.5 juta dan RM 1 889.9 juta masing-masing dan selebihnya dimiliki oleh kumpulan etnik lain pada tahun 2005.

Pemilikan oleh rakyat asing telah meningkat dengan ketara daripada RM 27 525.5 juta pada tahun 2000 kepada RM 38 279.4 juta pada tahun 2005. Pemilikan modal saham yang tinggi di kalangan rakyat asing perlu menjadi dorongan kepada kaum Bumiputera untuk melipatgandakan usaha mereka dalam pelbagai bidang termasuk memanfaatkan peluang yang wujud daripada peningkatan hubungan saling melengkapi dan sinergi di kalangan industri tempatan serta dengan rakyat asing.

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah  
SULIT\*

**SULIT\***

8

Di samping itu, pemilikan modal saham syarikat perkongsian juga mengalami pertumbuhan pesat. Jumlah pemilikan modal saham telah meningkat sebanyak RM 5168.8 juta pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 2000 yang berjumlah RM 9 220.4 juta.

Bagi memastikan penyusunan semula ekuiti di kalangan kaum Bumiputera untuk mencapai objektif pengagihan dalam tempoh RRJP3, pelbagai agensi amanah seperti Lembaga Tabung Haji (LUTH), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah ditubuhkan.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada  
*Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2000-2010*)

900/2

\* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah  
**SULIT\***

SULIT\*

9


Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

[15]

**Bahagian E**

9 Berdasarkan carta di bawah, bandingkan aliran eksport kasar barangan pembuatan dan nilai perdagangan Malaysia mengikut destinasi antara tahun 2000 dan 2005.

**DESTINASI EKSPORT KASAR BARANGAN PEMBUATAN  
(2000 – 2005)**



(Sumber : Unit Perancangan Ekonomi dan  
Kementerian Kewangan, 2005)

900/2


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah  
SULIT\***

SULIT\*

10

10 Berdasarkan gambar rajah di bawah, huraikan elemen-elemen penting dalam sistem pengurusan pertanian dan nyatakan sebab-sebab mengapa elemen-elemen tersebut penting dalam sistem tersebut.



(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Geografi Kemusiaan*., Nurin Enterprise, 2002)

900/2

Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT\*